

PA Desa Rejang pernah alami kerosakan

ZALIHA PANTAU GANTIAN LIF

ISU melibatkan penyelenggaraan lif di Blok D, Perumahan Awam (PA) Desa Rejang sedang diselesaikan apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyatakan komitmen untuk membaik pulih kemudahan tersebut dan telah melantik kontraktor bagi tujuan berkenaan.

Kejadian lif *overshoot* di Blok D itu telah menyebabkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mengarahkan penutupan dua unit lif di Blok D sementara satu unit dalam pelaksanaan penggantian.

Perkara berkenaan turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan telah membuat lawatan ke PA Desa Rejang pada Jumaat lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya akan membuat pemantauan terhadap proses penggantian unit lif bagi

memudahkan penduduk di kawasan tersebut.

“Saya telah mengiringi Perdana Menteri ke PA Desa Rejang yang baru-baru ini mengalami kerosakan lif hingga membelenggu penghuni.

“Alhamdulillah, satu unit lif selesai dibaiki oleh DBKL dan telah pun dibuka untuk kegunaan penduduk, manakala dua unit lagi dalam proses penggantian fasa ke-2,” katanya ketika ditemui Wilayahku Jumaat lalu.

Jelasnya, untuk fasa kedua ini, beliau akan pantau proses penggantian dan memastikan pelaksanaannya dipercepatkan.

“Dalam masa yang sama, saya juga arahkan DBKL untuk mencari solusi jangka panjang berkenaan isu-isu lif di PA dan Program Perumahan Rakyat (PPR) serta melihat kembali peranan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Jawatankuasa Pengurusan (MC) dalam isu ini,” katanya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meninjau keadaan lif PA Desa Rejang diiringi oleh Zaliha.

PA Desa Rejang berada di dalam kawasan Parlimen Setiawangsa, terdiri daripada 12 blok dengan ketinggian di antara 17 ke 19 tingkat dan jumlah unit sebanyak 2,791.

Sebanyak 1,662 unit kediaman dijual manakala baki 1,129 unit yang disewakan oleh DBKL kepada orang awam.

Kawasan perumahan itu

mempunyai 38 lif secara keseluruhan dan 18 unit sedang diganti, sementara 14 unit daripada 20 lif berfungsi dengan baik pada masa ini. 